

# KESAN KEJADIAN HISTERIA DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH

<sup>1</sup>Siti Aisyah bt Romli, <sup>2</sup>Dr. Mahyuddin bin Ismail

<sup>1</sup> Pelajar Ijazah Sarjana Teknologi Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang, E-mel : hansya882@gmail.com

<sup>2</sup> Pensyarah Kanan, Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang, E-mel: mahyuddin@ump.edu.my

## ABSTRAK

*Kejadian histeria merupakan suatu fenomena yang bersifat global. Ia berlaku hampir di kebanyakan negara di dunia. Di Malaysia, kejadian ini telah lama berlaku dan lebih kerap ditemui dalam kalangan remaja di sekolah. Hasil kajian kepustakaan yang dijalankan mendapati bahawa permasalahan sosial ini telah meninggalkan kesan yang mendalam dari sudut psikologi dan fizikal terhadap pelajar sekolah. Dari sudut psikologi, pelajar mengalami gangguan emosi yang mendalam sehingga melibatkan perlakuan fizikal yang ekstrim terhadap diri sendiri mahupun orang di sekeliling. Implikasi kajian ini dapat digunakan untuk membantu pihak sekolah dalam menangani kejadian histeria yang semakin berleluasa dengan mengenal pasti kesannya terhadap pelajar sekolah.*

**Kata Kunci :** Histeria, kesan psikologi dan fizikal, pelajar sekolah

## PENGENALAN

Masyarakat Melayu sering menggunakan istilah histeria di mana ia merujuk kepada penyakit akibat gangguan makhluk halus atau gangguan hantu. Kepercayaan begini timbul kerana masyarakat Melayu percaya bahawa histeria yang berlaku merupakan gangguan makhluk halus dan alam ghaib (Amran & Zulkarnain 1994, Roslina 1992). Rasukan boleh difahami berpunca daripada makhluk halus yang meresap dalam tubuh manusia dan merasuk di bahagian otak, iaitu tumpuan utama serangan makhluk halus terhadap manusia. (Amran Kasimin, 2008). Ia menyebabkan manusia mengalami gangguan emosi tidak kira siang atau malam.

Di Malaysia, histeria berlaku hampir di kebanyakan tempat yang mempunyai populasi ramai orang seperti di sekolah, asrama dan kilang (Fariza Md. Sham, 2012). Kejadian histeria ini sering kali menjadi bualan orang ramai terutamanya setelah negara digemparkan dengan berita kejadian histeria epidemik yang berlaku di Sekolah Menengah Tanjung Lumpur, Kuantan pada tahun 2008. Ia melibatkan hampir 100 orang pelajar yang mengalami histeria dan kejadian ini sering berulang sehingga mendapat liputan dari sidang media pada ketika itu. Walaubagaimanapun, kejadian ini bukanlah merupakan sekolah yang pertama berlakunya histeria di Malaysia. Pada tahun 1960-an, terdapat sebuah sekolah Arab di kawasan Johor Bahru yang mengalami kejadian histeria di mana melibatkan para pelajar perempuan. Kajian tersebut diselidiki oleh Tan (1963) dan kajian oleh Teoh pada tahun 1975 mengenai kejadian histeria di sebuah sekolah perempuan berasrama.

Kejadian histeria terus berulang dan ia dilaporkan menerusi laporan media massa yang melibatkan beberapa buah sekolah dalam negara ini. Pada 20 April 2012, kejadian

histeria telah berlaku di sebuah sekolah menengah di Kuala Langat, Selangor. Kejadian tersebut melibatkan lebih daripada 60 orang pelajar dan bukan merupakan kali pertama ia berlaku. Ini adalah kerana ia merupakan rentetan daripada beberapa kejadian histeria yang berlaku sebelumnya. Menurut laporan berita tersebut, kejadian histeria yang berlaku difahamkan adalah akibat daripada aktiviti pembersihan satu kawasan hutan kecil yang terletak lebih kurang 100 meter daripada sekolah terbabit. Aktiviti pembersihan kawasan hutan kecil tersebut dikatakan telah menimbulkan kemarahan makhluk halus yang tinggal di kawasan tersebut.

Laporan pada 22 Jun 2012 pula menyatakan kejadian histeria berlaku di sebuah sekolah menengah di Pokok Sena, Kedah. Kejadian histeria yang berlaku melibatkan lebih daripada 20 orang pelajar perempuan di sekolah berkenaan. Ia dikatakan berjangkit apabila seorang pelajar mengalami histeria dan seterusnya ia membabitkan beberapa orang pelajar. Histeria yang melibatkan ancaman nyawa dan keselamatan berlaku apabila seorang pelajar yang mengalami histeria cuba untuk terjun dari bangunan sekolah. Kejadian yang berlaku di Temerloh, Pahang itu menyaksikan satu lagi kejadian histeria yang mempertaruhkan nyawa dan keselamatan pelajar.

Senario histeria amat membimbangkan semua pihak kerana kejadian tersebut bukan sahaja menjejaskan sistem persekolahan tetapi mengganggu kesihatan mental dan emosi pelajar. Hal ini telah terbukti apabila sesi persekolahan menjadi tidak terkawal dengan perilaku para pelajar yang tidak sedar ketika mengalami histeria tersebut. Sesi pembelajaran juga terganggu apabila guru tidak dapat meneruskan pengajaran apabila para pelajar bertindak di luar jangkaan akibat serangan histeria. Selain daripada itu, para pelajar itu sendiri mengalami trauma yang mendalam setelah pulih daripada histeria dan ada di antara para pelajar yang tidak mahu meneruskan sesi persekolahan lagi kerana bimbang akan dirasuk kembali.

## **KONSEP HISTERIA BARAT DAN ISLAM**

Perkataan histeria berasal daripada bahasa Greek iaitu '*hystera*' yang bermaksud rahim (uterus) (Stephen R. Guttman, 2006). Ini adalah kerana simptom histeria hanya terdapat pada wanita dan dengan itu asal perkataan ini dikaitkan dengan wanita. Histeria merujuk kepada rahim yang merayau-rayau (*wandering uterus*) kerana pada zaman Greek kuno, histeria hanya menyerang kaum wanita yang masih bujang atau janda sahaja (Chodoff, 1982). Pada zaman tersebut, kaum lelaki sering menindas kaum wanita sehingga mereka menderita dari segi emosi. Maka, histeria dikatakan sinonim dengan wanita dan ia berkait rapat dengan keadaan rahim mereka yang mengganggu fungsi fizikal dan mental.

Dalam disiplin ilmu psikiatri, histeria ditakrifkan sebagai kecelaruan somatoforma. *Diagnostic and Statistical Manual of Mental Disorders* (DSM-IV 2004) yang menyenaraikan pelbagai jenis kecelaruan mental, manakala di dalam bidang klinikal, histeria adalah kecelaruan somatoforma (*somatoform disorder*). Ia merupakan gangguan simptom fizikal tanpa sebab-musabab yang jelas. Antara penyakit yang dimaksudkan ialah seperti pekak, bisu, tidak


boleh berjalan dan lain-lain lagi tetapi kesemua penyakit ini tiada kaitan dengan sebab organik badan mahupun sistem biologi pada tubuh badan. Sebaliknya, ia adalah disebabkan oleh tekanan jiwa yang dialami oleh seseorang. Penyakit ini juga tidak boleh dikawal dengan sukarela sebaliknya terpaksa melalui suatu proses rawatan khusus terutamanya yang berkaitan dengan psikoterapi. (Azizi Yahya, 2007).

APA (*American Psychological Association*) *Concise Dictionary of Psychology* (2009) mengklasifikasikan sebagai gangguan somatik. Ia sering digunakan sebagai terma bagi sebarang kecelaruan psikogenik yang dicirikan dengan simptom seperti lumpuh, hilang daya penglihatan, hilang deria rasa, halusinasi, dan sering berada dalam keadaan mudah dipengaruhi. Definisi ini turut merangkumi letusan emosi dan perlakuan yang keterlaluan untuk menarik perhatian (*histrionic behavior*).

Konsep histeria dikenali melalui dua jenis simptom iaitu sindrom jelmaan (*conversion*) dan sindrom ceraian (*dissociative*). Sindrom jelmaan mempunyai gejala-gejala seperti sakit kepala, sakit perut, lumpuh, bisu, sakit pinggang dan sebagainya. Sindrom ceraian pula ialah tindakan mangsa yang menjerit, meraung, memukul dan pelbagai lagi tindakan agresif. (Amran Kasimin dan Zulkarnain Zakaria, 1994). Dalam konteks kejadian histeria yang berlaku di Malaysia, ia lebih berbentuk sindrom ceraian atau *dissociative hysteria*. Mereka yang mengalami histeria menunjukkan tingkah laku seperti meronta-ronta, meracau dan menjerit. Ia merupakan tingkah laku yang agresif dan bersifat seperti dirasuk. Jika dibandingkan dengan symptom jelmaan atau *conversion disorder*, individu tersebut hanya merasai gangguan fizikal seperti buta, lumpuh dan sebagainya walaupun mereka tidak mengalami masalah berkenaan. (Mahmood Nazar Mohamed, 2001)

Selain itu, histeria turut berlaku dalam bentuk kumpulan atau beramai-ramai yang dikenali dengan istilah histeria massa atau histeria epidemik. Epidemik didefinisikan sebagai satu gugusan simptom yang dikenali dengan penyakit organik tetapi tidak wujud sebab yang dapat dikenal pasti. Histeria jenis ini berlaku dalam kalangan dua atau lebih orang yang berkongsi kepercayaan sama berkaitan simptom tersebut.

Mengikut perspektif para ulama' Islam, histeria ditakrifkan sebagai *al-sar<sup>u</sup>* (rasukan) (Wahid Abdussalam Bali 1997). Simptom histeria menyerupai ciri-ciri orang yang dirasuk, bahkan dalam sesetengah keadaan, punca histeria merujuk gangguan atau rasukan jin dan syaitan (Amran, 1994). Amran & Haron (1990) menyebut kitab al-Tibb al-Nabawi (2004) menyatakan histeria ini dinamakan *al-sar<sup>u</sup>* (rasukan), yang berlaku akibat rasukan roh-roh jahat yang menyerang ruh manusia yang boleh memberi kesan buruk kepada fizikal mangsanya. Rasukan roh-roh jahat ini berupa jin dan syaitan yang memasuki tubuh badan manusia lalu menyesatkannya melalui perlakuan di luar kawalan akal dan rohani. Lantaran itu takrifan histeria juga diistilahkan sebagai *al-sar<sup>u</sup>* yang bermaksud kemasukan atau rasukan jin dan syaitan. Kewujudan dan kemasukan jin dan syaitan ke dalam tubuh badan manusia terbukti benar dan diakui berdasarkan dalil daripada al-Quran menerusi Surah Al-Baqarah, ayat 275;



*“Orang-orang yang makan (mengambil) riba tidak dapat berdiri melainkan seperti berdirinya orang yang kerasukan syaitan lantaran (tekanan) penyakit gila”.*

Penyerapan atau rasukan makhluk halus dalam tubuh manusia boleh berlaku menurut hadis sahih berikut :

من حديث صفية بنت حيي أن رسول الله (ص) قال : إن الشيطان يجري من ابن آدم مجرى الدم

Dari hadis Safiah binti Huyai, sesungguhnya Rasulullah saw telah bersabda :

*“Sesungguhnya syaitan itu boleh berlari dalam tubuh anak Adam melalui pembuluh darah.”*

(HR Imam Bukhari: 4/282-Fathul Bari dan Muslim: 14/155-Syarhun Nawawi)

Pendapat daripada Musfir Said Al-Zahrani (2005) menyatakan bahawa terdapat pelbagai definisi dapat diberikan terhadap istilah histeria. Namun demikian, beliau membataskan definisi histeria sebagai suatu keadaan gangguan pada akal manusia sehingga individu tersebut tidak sedar apa yang sudah diucapkan dan beliau tidak dapat mengaitkan apa yang sudah diucapkan dengan apa yang akan diucapkannya. Beliau seolah-olah mengalami hilang ingatan akibat daripada gangguan pada sistem saraf otak. Segala tindakan tanpa tujuan ini tidak dapat dikawal sepenuhnya oleh individu terbabit.

Pandangan Islam dan Barat mempunyai persamaan dari sudut menyatakan histeria sebagai gangguan fungsi tubuh badan yang dijelmakan secara tidak sedar hasil daripada konflik lama yang terpendam. Berdasarkan daripada kedua-dua perspektif ini, histeria dapat difahami sebagai kecelaruan fungsi fizikal yang berkait rapat dengan keadaan emosi seseorang yang mungkin berada dalam keadaan separa sedar atau perasaan yang terganggu.

## **SENARIO HISTERIA**

Gejala histeria beramai-ramai atau histeria massa adalah satu permasalahan sosial yang telah lama wujud di Malaysia. Histeria massa kebanyakannya terjadi dalam komuniti sekolah, asrama dan kilang. Di Malaysia, gejala ini lebih kerap ditemui dalam kalangan pelajar di sekolah. Impak histeria massa mengakibatkan pelbagai kesan negatif terutama pada emosi dan keharmonian sosial. Epidemik yang berlaku menyebabkan suasana panik dan tegang serta merencatkan perjalanan aktiviti persekolahan.

Di Malaysia, epidemik histeria telah mula dilaporkan pada tahun 1963 yang melibatkan sebuah sekolah Arab di Johor Bahru yang terdiri daripada pelajar perempuan dan kaum Melayu. Tan (1963) merumuskan epidemik yang berlaku disebabkan perasaan tertekan dan tidak puas hati terhadap sikap pilih kasih sayang pihak berautoriti di sekolah. Kajian yang dilakukan oleh Teoh, J.I (1975) mendapati kejadian histeria selalunya diiringi dengan perkara-perkara yang mengganggu emosi pelajar seperti peperiksaan, latihan sukan, kerja sekolah yang banyak, bencana alam dan sebagainya.

Terdapat pelbagai tanggapan dari pelbagai pihak mengatakan bahawa kejadian histeria ini berpunca daripada psikologi seseorang yang sering dikaitkan dengan masalah dan tekanan hidup. Apabila seseorang itu tidak dapat menguruskan emosinya dengan betul, maka emosi dalaman akan menzahirkan reaksi luaran yang kadang kala akan membahayakan diri sendiri dan juga orang lain. Hal ini adalah seperti menjerit, berlari tidak tentu arah dan memukul orang lain. Histeria yang berpunca daripada psikologi ini telah dibuktikan oleh beberapa pakar psikologi sejak dari tahun 1880-an seperti Charcot dan Sigmund Freud.

Berdasarkan teori psikoanalisis, Freud, simptom histeria merupakan pernyataan suatu konflik psikologi yang telah diekspresikan oleh pesakit dan mereka tidak menyedarinya. Gangguan fizikal yang wujud dipercayai mewakili 'penukaran' daripada gangguan tekanan kepada gangguan fizikal. (Ramli Hassan, 1991). Sebagai contoh, kes Anna O yang merupakan salah satu kajian Freud dan Breuer mengenai kes histeria. Anna menghidap simptom batuk, lumpuh sebelah bahagian kanan badan, mengalami gangguan penglihatan, pendengaran dan pertuturan. Anna juga mengalami halusinasi dan kadangkala hilang ingatan. Secara diagnosis, beliau menghidap histeria disebabkan tekanan dan pengalaman seksual traumatik semasa zaman kanak-kanak di mana melalui penjelmaan, tenaga mental yang berkaitan dengan konflik itu ditukarkan menjadi simptom-simptom fizikal. (Freud & Breuer, 1985).

Individu yang mengalami histeria juga mengalami seksaan jiwa seperti berasa takut, bimbang, resah dan gelisah yang tidak berpenghujung. Perasaan resah, gelisah dan bimbang disertai dengan debaran jantung yang pantas, sesak nafas, pening kepala, loya, badan menggeletar dan merasa letih dan lesu dengan tiba-tiba. (Azizi Yahya, 2007).

Kasmini Kassim (1992) menyebut kejadian histeria epidemik menunjukkan wujudnya tekanan atau ketegangan dalam institusi yang terlibat, sama ada di sekolah, kolej ataupun kilang. Persekitaran keluarga turut terlibat seperti tekanan keluarga terhadap kemajuan pelajaran anak-anak, percanggahan kehendak hati remaja dengan kehendak hati keluarga, ibu bapa, atau kehendak guru-guru di sekolah dan pengubahsuaian peraturan sekolah yang mendadak. Apabila remaja berada jauh daripada kawalan ibu bapa, mereka meluahkan perasaan tertindas ini dalam bentuk jeritan, pengsan, dan badan menggeletar. Mangsa histeria yang terlibat dalam epidemik mengalami perubahan keadaan kesedaran, menjerit dan berlari-lari ketakutan. Mereka mengalami gangguan fizikal dan kesedaran dan keadaan yang menyerupai sawan.

Musfir bin Said al-Zahrani (2005) mentakrifkan histeria sebagai suatu keadaan gangguan akal pada manusia sehingga individu tersebut tidak sedar apa yang diucapkannya dan juga tidak dapat mengaitkan apa yang sudah diucapkannya dengan apa yang akan diucapkannya. Individu tersebut seolah kehilangan ingatan akibat daripada gangguan pada sistem saraf otak. Pesakit gangguan akal akan merasakan kekacauan dalam gerakan sehingga melakukan tindakan yang tanpa tujuan dan tidak boleh menguasai tindakan tersebut. Pernyataan ini selari dengan pandangan psikologi Barat (Mahmood Nazar Mohamed, 1990) yang menyebut individu yang mengalami kecelaruan histeria mengadu kehilangan beberapa fungsi tubuhnya dan gangguan ini tidak berada di bawah kawalan individu dan juga tidak mempunyai asas-asas organik yang nyata. Individu mungkin mengadu hilang penglihatan, pendengaran, tidak boleh bercakap, lumpuh sebahagian atau keseluruhan badan.

## **KESAN HISTERIA TERHADAP PELAJAR SEKOLAH**

Kejadian histeria membuktikan wujudnya tekanan atau ketegangan dalam sesebuah institusi yang terlibat, sama ada di sekolah, kolej mahupun kilang. (Kasmini Kassim, 1992). Kejadian histeria terutamanya *mass hysteria* menyebabkan proses pembelajaran terganggu sehingga ada institusi yang terpaksa ditutup sementara waktu bagi memulihkan keadaan. Pelbagai usaha dilakukan oleh pihak-pihak terlibat untuk menanganinya termasuklah menggunakan khidmat pengamal-pengamal perubatan tradisional dan juga pakar psikologi. Sesetengah kejadian dapat dipulihkan, sesetengahnya pula bertambah teruk dan tidak kurang juga kes-kes yang berulang.

Dalam konteks di sekolah, histeria dalam kalangan remaja selalunya berlaku secara berkumpulan dan epidemik. Fenomena histeria menonjolkan simptom histrionik seperti menjerit, meraung, menangis, berlari tidak tentu arah, agresif, kekejangan dan pengsan (Teoh 1975, Ramli Hassan 1990, Kasmini Kassim 1992). Gejala yang berlaku juga tidak mempunyai sebarang unsur patologi, berlaku dalam kelompok tertentu, mencetuskan kebimbangan dan tekanan emosi yang tinggi dan kebanyakan yang menjadi mangsa ialah wanita.

Ciri-ciri ini memenuhi lapan petanda awal histeria massa seperti yang digariskan oleh Bartholomew & Wesseley (2002). Laporan-laporan berita yang ditemui dalam akhbar menunjukkan histeria di sekolah adalah sebuah epidemik atau simptom gejala histeria massa dan simptom yang ditunjukkan bagi setiap epidemik adalah *monotonously similar* (simptom yang konsisten dan tidak berubah antara satu sama lain).

Menerusi satu penyelidikan mengenai histeria yang berlaku di institusi pendidikan sekolah di Malaysia, didapati histeria berhubung dengan faktor psikologi dan aspek psikologi yang memperoleh peratusan tertinggi ialah tekanan perasaan, ragu-ragu, takut dan bimbang. Aspek psikologi lain yang didapati terdapat pada diri individu yang mengalami histeria adalah kurang keyakinan diri, kecewa dalam pelajaran dan rasa bersalah atas kesilapan lalu. Gangguan emosi ini sering dikaitkan dengan tingkah laku histerik. (Fariza & Siti Norlina *et al.* 2012).

Antara aspek psikologi yang paling kerap ditemui ialah gangguan emosi takut yang kebiasaannya diiringi dengan gangguan emosi kebimbangan. Di samping itu, gangguan emosi tekanan juga antara yang sering ditemui dalam kejadian histeria massa. Tekanan emosi boleh disebabkan oleh faktor diri sendiri atau persekitaran. (Dannielle, 2007). Dalam kajian di sebuah sekolah agama katolik, telah didapati bahawa apabila para pelajar tertekan dengan peraturan yang ketat dan persekitaran sekolah yang tidak sihat maka simptom tekanan itu diluahkan menjadi simptom fizikal. (Loa Zavala, 2010). Mereka akan berkelakuan seperti menjerit, menangis, merayau-rayau, bertindak agresif dan sebagainya.

Tinjauan literatur yang dijalankan menunjukkan bahawa kesan yang paling kerap terjadi kepada pelajar yang mengalami histeria mencakupi aspek gangguan emosi. Apabila pelajar mengalami luahan emosi yang keterlaluan maka ia mula dijelmakan dengan tindakan fizikal yang agresif seperti menjerit-jerit, meracau, menangis dan berlari tanpa arah tujuan. (Amran Kasimin 1994; Tan 1963; Teoh 1975). Fariza Md. Sham et al. (2012) mendapati tekanan mempengaruhi faktor utama kejadian histeria dalam kalangan pelajar sekolah. Apabila pelajar mengalami tekanan akibat daripada kejadian tersebut, maka ia hanyalah merupakan kesan jangka masa pendek. Namun demikian, ia boleh membawa kepada kesan jangka masa panjang meliputi proses pembelajaran seperti pelajar tidak mahu hadir ke sekolah, kegagalan dalam peperiksaan dan hilang minat untuk belajar.

Kejadian histeria epidemik di sekolah telah menimbulkan kekecohan dan kebimbangan ramai pihak terutamanya ibu bapa dan guru kerana histeria yang berlaku telah mengganggu dan merencatkan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) di antara guru dan para pelajar. Ia menyebabkan para pelajar tidak dapat menumpukan perhatian dalam pelajaran. Perkara ini juga membawa kepada kerugian masa dan wang ringgit kerana sesi persekolahan terpaksa ditunda dan ditutup malah ia melibatkan ramai pihak bagi menangani kejadian yang berlaku. Dalam sesetengah keadaan, keselamatan para pelajar juga tidak terjamin kerana terdapat sesetengah kejadian di mana pelajar bertindak agresif dengan mencederakan diri sendiri atau pelajar lain. (Utusan Malaysia, 26 Januari 2011). Keadaan bertambah serius apabila terdapat kejadian beberapa orang pelajar terjun daripada bangunan sekolah dan maut.

## **KESIMPULAN**

Kejadian histeria merupakan satu masalah yang telah lama wujud dan sehingga kini masih tiada jalan penyelesaian untuk menghentikannya daripada berlaku. Namun begitu, ia masih mendapat perhatian dan terdapat ramai pihak yang membantu untuk menangani masalah ini daripada terus berleluasa. Para pelajar yang terlibat dengan kejadian ini mendapat kesan yang paling mendalam dan perkara ini seharusnya dibendung kerana mereka merupakan tunggak harapan bangsa. Sekiranya emosi mereka terganggu dengan kejadian histeria maka sudah pasti ia akan mengganggu proses pembelajaran sekaligus membawa kesan yang ketara dalam kehidupan mereka sebagai seorang pelajar.

## RUJUKAN

- American Psychological Association. 2009. *APA Concise Dictionary of Psychology*: Washington, DC.
- Amran Kasimin. 2008. *Ayat Pelindung Diri & Rawatan Histeria*. Kuala Lumpur : Percetakan Watan Sdn Bhd
- Amran Kasimin & Haron Din. 1990. *Rawatan Gangguan Makhluq Halus Menurut al-Quran dan al-Sunnah*. Cet. Ke-IV. Kuala Lumpur : Percetakan Watan Sdn. Bhd.
- Amran Kasimin & Zulkarnain Zakaria. 1994. *Histeria : Pencegahan dan Rawatan* : Kuala Lumpur : Dinie Publisher
- Anon. 2011. Kecoh pelajar hysteria cuba cederakan guru. Utusan Malaysia, 26 Januari
- Azizi Yahya. 2007. *Psikologi Abnormal*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia Skudai
- Bartholomew R.E & Wesseley, S. 2002. Protean nature of mass sociogenic illness : From possessed nuns to chemical and biological terrorism fears. *The British Journal of Psychiatry*. 180: 300-306. <http://bjp.rcpsych.org/> (16 April 2012)
- Chodoff, P. 1982. Hysteria and Women. *American Journal Psychiatry* 133 (11): 1295-1299.
- Fariza Md. Sham, Siti Norlina Mohamed, Intan Farhana Saparudin, Salasiah Hanin Hamjah, Rozmi Ismail, Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim. 2012. Faktor Histeria dalam Kalangan Remaja Sekolah. *Jurnal Teknologi (Social Science)* 59: 21-27
- Freud, S. & Breuer, J. 1985. *Studies on Hysteria*. Great Britain: Penguin Books
- Kasmini Kassim. 1992. *Psikiatri Kanak-Kanak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Loa Zavala, N. 2010. The expulsion of evil and its return : An Unconscious fantasy associated with a case of mass hysteria in adolescents. *The International Journal of Psychoanalysis* 91 : 1157-1178
- Mahmood Nazar Mohamed. 2001. Pengantar Psikologi Satu Pengenalan Asas Kepada Jiwa dan Tingkah Laku Manusia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Ramli Hassan. 1991. *Pengantar Psikiatri*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka
- Roslina Mat Riffin. 1992. Histeria: Satu Kajian Kes Mengenai Pandangan Orang Melayu di Bachok Kelantan. Latihan Ilmiah. Universiti Malaya, Kuala Lumpur
- Stephen R. Guttman. 2006. Hysteria as a Concept: A Survey of Its History in the Psychoanalytic Literature. Center for Modern Psychoanalysis Studies. Vol. 31. No. 2.
- Tan E.S. 1963. Epidemic hysteria. *The Medical Journal of Malaya* 23: 72-76.



Teoh, J.I, Saesmalijah Soewondo & Myra Sidharta. 1975. Epidemic Hysteria in Malaysian Schools: An illustrative episode. *Psychiatry* 38 : 258-268

Wahid Abdus Salam Bali (terjemahan Norsheilla Mohd. Yusof). 2012. *Jin dan Syaitan dalam Kehidupan Manusia*. Selangor: Al-Hidayah House of Publisher Sdn Bhd